

Adaptasi Pelajar Wanita Melayu Di United Kingdom

The Exploration of Adaptation of Malay Women in United Kingdom

Alia Nadhirah Binti Hisham
Abdul Latiff Ahmad

Program Komunikasi Media
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: alianadhirah212@gmail.com

ABSTRAK

Terdapat peningkatan terhadap bilangan para pelajar yang melanjutkan pengajian mereka ke luar negara. Fenomena ini secara tidak langsung dapat memberi peluang yang besar dalam meningkatkan kebolehpasaran diri dan kemampuan yang tinggi untuk mempelajari dan menerima budaya baru. Namun begitu, proses untuk melanjutkan pelajaran ke negara asing ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah bagi sesetengah pelajar disebabkan oleh beberapa faktor peribadi, persekitaran dan budaya. Kajian ini dijalankan bagi meneroka proses adaptasi wanita Melayu yang pernah melanjutkan pelajaran di United Kingdom, serta proses penyesuaian semula setelah kembali ke Malaysia. Pengkaji telah memilih Model Lekuk-W oleh Gullahorn dan Gullahorn (1963) untuk meneliti setiap cabaran dan proses adaptasi dengan lebih mendalam. Model bermula daripada fasa bulan madu, fasa kejutan budaya, fasa penyesuaian, fasa pengasingan mental, dan akhir sekali fasa penerimaan dan integrasi. Bagi memastikan data yang diperolehi itu sah dan relevan, sesi temu bual mendalam yang melibatkan lima (5) orang wanita Melayu telah dijalankan. Berdasarkan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh informan, dapat dibuktikan bahawa kesemua pelajar wanita Melayu di dalam kajian ini telah berjaya melalui proses adaptasi semasa melanjutkan pelajaran di United Kingdom, walaupun menghadapi kesukaran atau cabaran dari aspek akademik, sosial dan agama. Begitu juga dengan proses penyesuaian setelah pulang ke tanah air, informan tidak mengalami sebarang kesukaran untuk beradaptasi dengan budaya asal mereka. Pembinaan hubungan dengan komuniti Malaysia dan pengekalan dalam mengamalkan budaya Melayu semasa menetap di luar negara selama tiga tahun telah menyebabkan mereka tidak mengalami kejutan budaya terbalik. Melalui kajian ini juga, pelajar tidak mengalami sebarang serangan yang berbentuk Islamofobia daripada masyarakat tempatan. Malah, pelajar wanita Melayu mempunyai hubungan yang baik dengan mereka. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa penghijrahan pelajar wanita Melayu ini telah memberi impak yang positif kepada diri mereka.

Kata Kunci: Adaptasi, Penyesuaian Semula, Wanita Melayu, United Kingdom, Model Lekuk-W

ABSTRACT

The trend of studying overseas has increased in recent years. This phenomenon brings great opportunity towards successful self-employability and the ability to embrace new cultures. However, the process can be challenging and full of conundrums for some students due to personal, environmental and cultural factors. This study aims to explore the adaptation process of Malay women who studied in the United Kingdom, as well as their adjustment process when returning to Malaysia. The researcher had chosen the W-Curve Model by Gullahorn and Gullahorn (1963) to deeply explore their challenges and adaptation

process thoroughly. The model focuses on the early stage (honeymoon phase), culture shock phase, initial adjustment stage, mental isolation phase and lastly, acceptance and integration phase. To ensure that the data collected was valid and reliable, an in-depth interview was conducted, consisting five (5) Malay women. Analysis of the informants' answers demonstrated that every Malay woman in this study had successfully undergone the intercultural adaptation while studying in the United Kingdom despite the challenges they faced in terms of academic, social and religion. Same goes for the adjustment stage upon their return to the homeland, informants did not find it hard to adapt to their original culture due to high engagement with Malaysian communities and cultures while living abroad for at least three (3) years. It is discovered in this research that students did not encounter any major Islamophobic attack from locals and they even had a good relationship with them. All in all, the intercultural adaptation journey that the Malay women went through give positive impacts for them.

Keywords: *Adaptation, Adjustment Process, Malay Women, United Kingdom, W-Curve Model*

1. Pengenalan

Dalam melahirkan rakyat yang mempunyai sifat daya saing, berinovasi dan berkeyakinan tinggi, proses pengantarabangsaan telah banyak dilakukan di negara Malaysia melalui saluran yang pelbagai. Bagi kajian ini, proses pengantarabangsaan yang akan difokuskan adalah mengenai keterlibatan pelajar Malaysia yang telah melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara.

Apabila membincangkan perihal negara mana yang cenderung dihijrahi oleh pelajar Malaysia, ia sudah tentunya akan dikaitkan dengan negara-negara kelas pertama seperti United Kingdom, Jepun, Amerika Syarikat dan Korea yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih maju. Jadi para pelajar dapat membuat peningkatan yang bagus dalam menaik taraf sijil pendidikan mereka. Fenomena di mana rakyat Malaysia sanggup melintasi sempadan dunia demi memenuhi pencapaian yang tinggi dari aspek akademik ini berlaku adalah disebabkan oleh desakan globalisasi (Sabariah Mohd Salleh dan Siti Khadijah Hussin 2017). Ianya dapat dibuktikan melalui statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Negara, di mana seramai 19, 689 orang telah melanjutkan pelajaran mereka ke United Kingdom dan Ireland pada tahun 2017, sama ada melalui tajaan mahupun pembiayaan secara persendirian.

Namun begitu, bagi mencapai keinginan untuk belajar dan berhijrah ke negara orang, seseorang itu haruslah melalui liku cabaran sepanjang tempoh berada di sana. Ramai orang menganggap bahawa melanjutkan pelajaran ke luar negara merupakan perkara yang senang untuk dilakukan. Hakikatnya, ia bukanlah perkara yang mudah bagi sesetengah individu disebabkan oleh beberapa faktor yang akan menyukarkan diri mereka untuk beradaptasi di negara asing. Proses adaptasi ini pula membawa maksud keupayaan seseorang untuk berkomunikasi mengikut norma dan amalan budaya tuan rumah dan juga mempunyai penglibatan yang aktif ataupun secara berterusan melalui aktiviti komunikasi interpersonal masyarakat di sana (Young Yun Kim 2017).

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih pelajar wanita Melayu yang telah menetap di United Kingdom untuk melihat perubahan yang mungkin berlaku pada diri mereka setelah melalui proses adaptasi ataupun tekanan akulturasi yang disebabkan oleh pertentangan budaya. Kelainan daripada segi budaya dan norma sosial ini sedikit sebanyak akan menambahkan cabaran terhadap mereka semasa melalui proses adaptasi. Kajian ini telah menggunakan Model Lekuk-W bagi mengkaji proses adaptasi mereka.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Adaptasi pelajar antarabangsa*

Di dalam konteks antarabudaya, adaptasi adalah sebuah proses di mana individu atau sekumpulan manusia berjaya menyesuaikan diri mereka terhadap nilai, prinsip, norma dan tingkah laku sesebuah budaya yang lain (Tomin V et al. 2016). Jika seseorang itu berjaya melalui proses adaptasi, ianya secara tidak langsung memberi makna bahawa mereka boleh menerima aspek sosial dan mengintegrasikan psikologikal budaya yang asing daripada budaya asal mereka. Konsep pengadaptasian ini penting bagi seseorang penghijrah untuk menyesuaikan diri mereka di samping mengelakkan rasa kekok dan tidak selesa disebabkan oleh perbezaan budaya yang ketara.

Berpandukan kajian Abdul Latiff Ahmad et al. (2016), mempunyai kesedaran atau sensitif terhadap perbezaan budaya di antara si penghijrah dan 'tuan rumah' mestilah wujud bagi kedua-dua belah pihak. Dengan mempunyai pengetahuan ataupun ilmu terhadap negara yang akan dikunjungi itu, perasaan kekok ataupun tidak selesa dapat dikurangkan. Dengan adanya juga rasa sensitif ini, kedua-dua belah pihak dapat menghormati di antara satu sama lain walaupun mempunyai budaya dan norma sosial masyarakat yang berbeza. Justeru, proses komunikasi juga dapat berjalan dengan lancar disebabkan oleh ketiadaan salah faham dan pertukaran budaya dapat dilakukan dengan mudah. Si penghijrah juga dapat mempelajari dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru bagi mengurangkan kejutan budaya tanpa perlu menghadapi konflik yang sukar.

2.2 *Cabaran adaptasi pelajar antarabangsa*

Terdapat banyak faktor yang membuatkan seseorang itu mengalami kesukaran untuk menerapkan konsep pengadaptasian semasa berhijrah. Cabaran-cabaran yang dihadapi ini selalunya akan menyukarkan proses adaptasi para pelajar semasa berada di negara tamu, khususnya apabila dua negara itu mempunyai perbezaan budaya yang ketara. Antara cabaran utama yang harus dihadapi oleh sojourner ialah stereotaip yang telah dilabelkan kepada sesuatu bangsa oleh masyarakat tempatan. Kajian Abdul Latiff Ahmad et al. (2016) yang mengkaji mengenai adaptasi antarabudaya pelajar Nigeria di Malaysia, dapat dilihat bahawa mereka ini sering menjadi mangsa stereotaip media di negara Malaysia.

Pemaparan imej terhadap orang Nigeria ini adalah lebih kepada aspek negatif, di mana mereka ini sentiasa dikaitkan dengan kes-kes jenayah di Malaysia. Jadi perkara ini telah menyebabkan komunikasi atau interaksi di antara pelajar Nigeria dan masyarakat tempatan sangatlah terhad. Stereotaip-stereotaip yang diwar-warkan itu telah membuatkan masyarakat tempatan berasa paranoid terhadap mereka. Justeru, perkara ini telah menyukarkan proses pembinaan hubungan di antara pelajar Nigeria dengan masyarakat tempatan Malaysia. Stereotaip ini telah memberi kesan yang negatif terhadap pengalaman mereka semasa melanjutkan pelajaran di negara tersebut kerana tidak dapat membuat pertukaran budaya dengan masyarakat Malaysia pada fasa awal penghijrahan mereka.

2.3 *Diskriminasi dan stereotaip terhadap orang muslim*

Di dalam persekitaran akademik khususnya di universiti, kewujudan stereotaip ini lazimnya ditujukan kepada sesebuah kumpulan atau individu yang membawa imej dan identiti yang jelas mengenai sesuatu etnik atau bangsa (Steele, 1998). Fenomena diskriminasi dan membina imej stereotaip negatif terhadap sesuatu kaum, bangsa mahupun agama ini secara realiti sememangnya wujud di antara pelajar antarabangsa dan tempatan (Sivtceva, 2016). Jika seseorang pelajar itu didiskriminasikan secara berpanjangan, kehidupan sosial dan status akademik mereka akan

mempunyai kesan yang negatif. Jadinya, mereka akan lebih cenderung untuk mengasingkan diri dan tidak bercampur dengan orang lain. Bagi kajian ini, stereotaip yang akan difokuskan adalah mengenai orang Muslim dan agama Islam.

Di bawah kajian Isvet Amri Novera (2004) mengenai pelajar pascasiswazah Indonesia di Australia, responden mengatakan bahawa mereka menghadapi sikap prejudis yang ditujukan khas kepada rakyat Indonesia. Ditambah pula dengan kejadian pengeboman di Bali dan Jakarta yang baru sahaja berlaku pada ketika itu telah membuatkan masyarakat tempatan menjadi anti terhadap rakyat Indonesia dan orang Muslim. Menurut responden mereka juga, mereka telah diserang kerana memakai hijab yang melambangkan agama Islam. Terlalu besar cabaran sebagai pelajar Indonesia yang melanjutkan pelajaran mereka ke Australia disebabkan oleh kritikan-kritikan yang telah dipaparkan oleh media. Topik mengenai 'Islam radikal' dan 'pengganas' menjadi perbualan yang biasa didengari dan ianya telah memberi kesan terhadap proses pengadaptasian para pelajar.

3. Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual secara mendalam. Sesi temubual ini telah dilakukan terhadap pelajar wanita Melayu yang pernah melanjutkan pelajaran dan menetap di United Kingdom sekurang-kurangnya tiga (3) tahun. Sebab utama mengapa skop kajian difokuskan kepada wanita Melayu sahaja adalah kerana pengkaji percaya bahawa mereka membawa sebuah identiti yang kukuh dalam melambangkan seorang penghijrah minoriti dan juga sebagai seorang muslim. Jadi cabaran yang dihadapi oleh mereka berkemungkinan akan menyukarkan proses adaptasi semasa berada di United Kingdom. Seramai lima (5) orang pelajar wanita Melayu telah ditemubual oleh pengkaji di sekitar Kuala Lumpur. Soalan telah difokuskan kepada pengalaman mereka mengadaptasikan diri mereka di United Kingdom dan proses penyesuaian diri setelah pulang ke negara asal. Jika dilihat jadual di bawah, pelajar-pelajar tersebut berada di institusi yang berlainan untuk mempelbagaikan dapatan kajian. Pengkaji merasakan bahawa setiap daerah yang dimigrasi oleh pelajar mempunyai suasana dan pengalaman yang berbeza.

Jadual 1.

Bil	Subjek	Umur	Tahap Pendidikan	Institusi	Tajaan	Tempoh menetap di United Kingdom
1.	A1	24		University of Kent, Canterbury	MARA	
2.	A2	24		University of Sheffield, Sheffield, South Yorkshire	MARA	
3.	A3	24	Ijazah Sarjana Muda	University of Essex, Colchester	JPA	3 tahun

4.	A4	24	University of Oxford, Oxford	MARA
5.	A5	25	University of Portsmouth, Portsmouth	Sendiri

4. Dapatan dan Perbincangan

Data kajian mengenai pengalaman yang telah dilalui oleh mereka akan dikaitkan dan dianalisis berdasarkan Model Lekuk-W. Setiap fasa yang terdapat di dalam model tersebut iaitu; (a) fasa bulan madu, (b) fasa kejutan budaya, (c) fasa penyesuaian, (d) fasa pengasingan mental dan (e) fasa penerimaan dan integrasi, telah dikaitkan dengan pengalaman yang dikongsikan.

4.1 Fasa Bulan Madu

Setiap pelajar akan melalui cabaran yang berbeza sejourus sahaja mereka tiba di negara asing buat pertama kali. Mereka perlu berhadapan dengan pelbagai kemungkinan dan cabaran yang akan dihadapi dengan tabah. Kebiasaannya, cabaran-cabaran inilah yang akan menyukarkan proses kedatangan mereka di United Kingdom.

A2: *“First time sampai i nervous. Cause everyone is queuing for the immigration, and then I...uh meeting the British people for the first time”*

A4: *“I was very alert la, I would say. Yeah, sebab I rasa macam I sorang-sorang and I was so far away from home.”*

Perasaan gemuruh (*nervous*) juga boleh dikategorikan sebagai salah satu cabaran awal ketika berhijrah ke sana. Ini kerana terlalu banyak perkara baru yang akan dihadapi oleh mereka dan majoriti daripada pelajar wanita Melayu dalam kajian ini baru sahaja menjejakkan kaki ke bumi Eropah buat kali pertama. Jadi, mengalami perasaan gementar dan gemuruh adalah merupakan perkara yang biasa. Bagi pengkaji, situasi ini dikenali sebagai ‘*overthinking*’, di mana seseorang itu mempunyai kerisauan yang berlebihan terhadap sesuatu perkara yang kecil apabila berada di situasi atau suasana yang ganjil bagi mereka. Dokumen-dokumen penting seperti passport dan barang-barang hak milik pesendirian sentiasa diawasi daripada hilang. Banyak perkara yang tidak diingini boleh berlaku, jadi responden merasakan mereka perlu lebih berhati-hati, terutama sekali apabila mereka berjauhan daripada rumah dan pengawasan keluarga.

A5: *“I was really lost...and the policemen got suspicious at me. I got arrested...well not really arrested they just uh...brought me to a room to ask some questions. Because...I was suspected as keldai dadah (drug mule)”*

Responden kelima ini telah pun ditahan oleh pihak berkuasa di sana kerana disyaki sebagai keldai dadah. Imigran ataupun sesiapa sahaja yang tidak kelihatan seperti orang tempatan mempunyai risiko untuk menghadapi situasi-situasi sebegini terutama sekali apabila mereka

kelihatan seperti mencurigakan. Negara-negara maju seperti United Kingdom kebiasannya mempunyai peraturan yang ketat dalam memberi kebenaran kepada orang luar untuk memasuki negara mereka demi keselamatan negara. Jadi apabila ditahan, mereka haruslah bersiap sedia bagi segala kemungkinan yang akan berlaku dan menangani situasi tersebut dengan tenang agar tidak disyaki oleh pihak berkuasa di sana. Hal ini telah menunjukkan betapa mudahnya kaum wanita untuk menjadi sasaran bagi kes-kes yang berkaitan dengan pengedaran dadah. Perkara ini boleh dikaitkan dengan kajian oleh Chuenurah (2015), di mana jumlah banduan wanita dari negara-negara Asia Tenggara telah meningkat dan kebanyakannya dipenjarakan atas kesalahan yang berkaitan dengan pengedaran dadah (*drug trafficking*).

4.2 Fasa Kejutan Budaya

Di bawah fasa kejutan budaya pula, para pelajar akan mula berasa rindu terhadap kampung halaman (*homesick*) disebabkan oleh beberapa faktor seperti: (a) rintangan bahasa, (b) perbezaan budaya dan (c) pembinaan hubungan yang tidak kukuh dengan masyarakat tempatan. Faktor pertama iaitu rintangan bahasa yang juga dilalui oleh informan kajian lepas seperti kajian oleh Liubov Sitceva (2016) dan Wu et al. (2015). Mereka berkongsikan pendapat bahawa perbezaan penggunaan bahasa yang berbeza dengan bahasa ibunda sendiri (*mother tongue*) merupakan antara salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh individu yang berhijrah ke luar negara. Informan-informan bagi kajian ini sendiri telah menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan disebabkan oleh gaya bahasa (*accent*) mereka yang pekat dan sukar difahami.

A1: “*British accent...yup for a few months..it’s quite hard, some of my lecturers have a very deep accent, so kadang-kadang memang tak fahamla apa dia cakap...*”

A3: “*Actually it’s quite difficult la to understand the accent, the lecturer and macam kawan kita yang jumpa time volunteering ke apa.*”

A5: “*First year tu awal-awal kekokla, sebab I don’t really speak in English, I don’t practice. Accent dia memang tak faham and it took me awhile, around 34 months to really get the grip to speak in English with British. So yeah quite long jugakla nak adapt sebab memang dah biasa dengan movie American semua.*”

Walau bagaimanapun, lama-kelamaan, mereka berjaya untuk mengadaptasi corak bahasa serta gaya berkomunikasi masyarakat British. Dalam pada itu, sewaktu temu bual dijalankan, terdapat sedikit gaya bahasa British (*British accent*) yang boleh didengari oleh pengkaji semasa responden memberikan respon. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa faktor pengadaptasian bahasa asing (*British accent*) akan menjadi sebatian dalam kalangan penghijrah yang pernah berhijrah ke luar negara.

Faktor seterusnya yang mendorong pelajar untuk mengalami kejutan budaya ialah pembinaan hubungan yang tidak kukuh dengan masyarakat tempatan. Seperti yang telah diperkatakan oleh James Dorset (2017), Deyuan Zeng (2017), Li dan Gasser (2005), proses pengadaptasian pelajar akan berjaya jika mereka mempunyai keterlibatan yang tinggi terhadap pembinaan hubungan dengan masyarakat tempatan. Namun demikian, disebabkan oleh perbezaan budaya dari segi merapatkan hubungan dengan rakan-rakan baru telah menyukarkan pelajar wanita Melayu untuk mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat British. Cara mereka

membina hubungan di antara rakan-rakan adalah dengan melepak dan berseronok di bar atau kelab malam. Jadi, pelajar wanita Melayu yang beragama Islam tidak dapat untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti mereka. Kesannya, mereka merasakan seolah-olah 'ketinggalan' kerana gagal untuk bergaul dengan sepenuhnya bersama mereka.

Perbezaan budaya juga merupakan faktor utama dalam mendorong individu untuk mengalami kejutan budaya. Perbezaan budaya yang telah difokuskan melalui kajian ini adalah budaya kerja di United Kingdom yang amat mementingkan konsep '9 to 5', iaitu waktu beroperasi bagi premis-premis dihadkan hanya kepada lapan (8) jam sahaja. Menurut Hsiao-ping Wu et al. (2015), perbezaan budaya ini telah dikategorikan sebagai salah satu cabaran yang akan dihadapi oleh pelajar antarabangsa. Hal ini telah membuatkan pelajar wanita Melayu yang telah terbiasa dengan persekitaran waktu malam yang 'hidup' di Malaysia, berasa bosan kerana tiada tempat yang boleh dikunjungi apabila waktu malam tiba. Hanya bar dan kelab malam sahaja yang beroperasi secara aktif pada waktu malam. Tiada kedai-kedai yang beroperasi selama 24 jam seperti restoran Mamak, 7-Eleven dan K-Mart yang boleh dijumpai di Malaysia. Sekali lagi, perkara ini telah memberi impak kepada pelajar wanita Melayu yang memegang identiti dan imej sebagai umat Islam. Secara keseluruhannya, pengkaji berpendapat bahawa pelajar wanita Melayu tidak mengalami kejutan budaya secara drastik pada fasa ini. Ini kerana cabaran yang dihadapi pada fasa ini dapat diharungi dan diadaptasi oleh mereka.

A4: *"Bila pergi studio semua mat salleh, okay je...I takde masalah untuk kawan dengan mat salleh ke Melayu ke. Tapi...diorang punya jokes pun lain, diorang punya cara have fun pun lain. For us, kalau kitaorang have fun it was like...I don't know just macam sit around, you know.*

Tapi cara diorang have fun and bonding tu is by going to club and all. So obviously we didn't join those kind of stuff. So bila time masuk kelas je, of course diorang dah bond dah rapat kan."

4.3 Fasa Penyesuaian

Fasa penyesuaian ini adalah fasa di mana para pelajar mula menerima budaya baru. Misalnya, salah satu informan dalam kajian ini mengatakan dia telah meraikan Halloween bersama rakan-rakan Britishya. Berdasarkan andaian melalui Model-Lekuk W oleh Gullahorn dan Gullahorn (1963), penerimaan budaya baru ini akan membuatkan para pelajar mula melupakan budaya asal mereka secara perlahan-lahan. Namun begitu, melalui dapatan kajian yang telah diperolehi, pengkaji menolak kenyataan ini kerana rata-rata pelajar wanita Melayu masih mengekalkan budaya dan identiti asal mereka. Pengekalan budaya ini boleh dilihat melalui sambutan Hari Raya yang telah diraikan oleh mereka ketika berada di United Kingdom.

Responden memberitahu bahawa cara mereka menyambut Hari Raya adalah lebih kurang sama seperti semasa mereka berada di Malaysia. Tambahan pula, United Kingdom mempunyai kelompok komuniti Melayu yang besar, jadi selalunya Hari Raya itu akan disambut sesama mereka. Informan kelima mengatakan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di benua Eropah seperti France, Italy, Spain telah datang ke United Kingdom semata-mata untuk menyambut Hari Raya bersama mereka. Hal ini adalah disebabkan negara United Kingdom merupakan pusat sentral bagi rakyat Malaysia untuk berkumpul. Segala sambutan yang mempunyai kaitan dengan Malaysia akan disambut di sini. Informan juga memberitahu duta Malaysia di United Kingdom akan membuat majlis rumah terbuka pada setiap tahun, khas kepada rakyat Malaysia.

4.5 Fasa Pengasingan Mental

Pada bahagian ini, pengkaji ingin melihat apakah bentuk kejutan budaya yang dialami oleh pelajar wanita Melayu setelah kembali ke Malaysia. Apakah perasaan mereka dan bagaimana proses untuk menyesuaikan diri dengan budaya asal setelah menetap di United Kingdom selama tiga (3) tahun. Pada fasa ini juga, biasanya para pelajar akan membuat perbandingan terhadap budaya asal dengan budaya baru yang telah diterima.

A1: *“Umm I would say British people is more.. nice? They are really soft spoken..like ‘oh hello, how can I help you?’. And then diorang selalu macam like have this like ‘Good morning dear, Good morning Love’, especially orang tua la, orang tua cakap dekat kita. And...’Thank you dear, have a good day’. Macam kita rasa appreciated la people talk like that dekat kita. I really miss it, sebab benda ni takde sangat kat Malaysia...”*

A4: *“tapi first first tu I memang ada culture shockla. I think...I think I just missed the environment dekat sana. Aa okay dia macam contohnya dekat sana, kalau I nak jalan-jalan...I tak rasa bahaya, kalau I nak jalan keliling rumah or pergi jogging ke apa...I tak rasa bahaya, and then I banyak bergerak sorang bila kat sana.”*

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan, mereka mengalami sedikit kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan budaya asal mereka. Faktor utama yang jelas dapat dilihat adalah mengenai persekitaran dan gaya berkomunikasi yang berbeza. Informan keempat pula mengatakan dia mengalami kejutan budaya terbalik disebabkan oleh persekitaran yang berbeza dari United Kingdom. Di Malaysia, agak berbahaya bagi seorang wanita untuk berjalan berseorangan terutama sekali di tempat yang sunyi dan pada waktu malam. Jadi perkara ini telah membuatkan responden rindu terhadap persekitaran yang selamat, di mana dia tidak perlu mempunyai kerisauan yang tinggi terhadap keselamatannya apabila berjalan seorang diri di kawasan Oxford. Namun, terdapat juga pelajar yang tidak mengalami kejutan budaya terbalik setelah kembali ke Malaysia. Informan mengatakan mereka tidak mengalami masalah setelah pulang ke negara asal. Dapat disimpulkan juga bahawa pelajar wanita Melayu tidak mengalami kejutan budaya terbalik secara drastik setelah kembali ke Malaysia. Pengkaji mempercayai bahawa perkara ini berlaku kerana tempoh mereka menetap di United Kingdom tidak terlalu lama iaitu selama tiga (3) tahun sahaja. Tambahan pula, informan mengatakan mereka telah pulang Malaysia pada setiap tahun setiap kali cuti semester.

4.6 Fasa Penerimaan dan Integrasi

Fasa yang terakhir di dalam Model Lekuk-W oleh Gullahorn dan Gullahorn (1963) ialah fasa penerimaan dan integrasi. Mengikut kebarangkalian teori ini, pelajar akan mula menerima dan beradaptasi secara perlahan-lahan terhadap budaya asal mereka. Melalui data kajian yang diperolehi pula, kesemua pelajar wanita Melayu tidak mengalami masalah dan mempunyai proses yang sukar untuk beradaptasi dengan budaya asal mereka. Pengkaji berpendapat bahawa proses adaptasi terhadap budaya asal tidaklah sesukar yang disangka kerana informan-informan tidak mengalami kejutan budaya terbalik secara drastik disebabkan oleh pengekalan dan pengamalan adat Melayu ketika menetap di United Kingdom. Malah, terdapat juga para informan yang langsung tidak mengalami kejutan budaya terbalik. Salah satu informan telah mengatakan: *“...I am Malaysian, so I don't really have to adapt back...”*. Ini boleh dikaitkan dengan kajian oleh Talawanich et al. (2019), di mana bukan semua pelajar akan mengalami kejutan budaya setelah kembali ke negara asal.

Melalui fasa ini juga, dapat disimpulkan bahawa penghijrahan pelajar wanita Melayu ke United Kingdom telah memberi impak yang positif kepada perkembangan diri mereka. Berdasarkan analisis data temu bual mendalam yang telah dilakukan, perkembangan diri positif yang dimaksudkan itu adalah: (a) keyakinan diri yang tinggi, (b) bertutur dengan lebih fasih apabila berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris, (c) mempunyai cara pemikiran yang lebih terbuka dan (d) independen. Perkembangan diri dapat dikaitkan dengan kenyataan oleh Yu-Yi Grace Chien (2016) yang mengatakan bahawa program melanjutkan pelajaran ke luar negara ini banyak mendatangkan faedah kepada para pelajar. Hal ini mungkin disebabkan oleh persekitaran yang berbeza daripada negara asal iaitu Malaysia. Para pelajar dapat membuka mata mereka dan melihat dunia dengan menggunakan pemikiran dan perspektif baharu.

Perkembangan diri yang positif adalah disebabkan oleh ketiadaan sumber kebergantungan yang kukuh seperti rakan-rakan dan keluarga di Malaysia. Persekitaran yang berbeza di United Kingdom juga telah membuatkan informan keluar dari kelompok selesa dan menjadi lebih independen. Informan-informan juga mengatakan mereka mempunyai keyakinan diri yang lebih tinggi untuk berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris, membuat kenalan baru dan mempunyai minda yang terbuka kerana berpeluang untuk mempelajari perspektif budaya yang berbeza.

A1: *“So yeah...that makes me a bit open-minded la.”*

A2: *“I am more confident, in terms of meeting new people, making new friends, conversing in English”*

A3: *“Like I said I am more independent. Sebab kat sana kita tak boleh nak depends on people je kan....”*

A5: *“Living there has thought me to be confident, sebab kat sana orang cakap lantang, orang cakap kuat. If you have a point to argue, argue sampai puas hati”*

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji proses adaptasi pelajar wanita Melayu di United Kingdom dengan menggunakan Model Lekuk-W. Berdasarkan analisis data yang diterima daripada sesi temu bual mendalam tersebut, mereka telah pun berjaya beradaptasi dengan budaya dan persekitaran di United Kingdom walaupun menghadapi beberapa aspek cabaran yang berbeza. Mereka juga tidak mengalami fenomena kejutan budaya terbalik setelah kembali ke negara asal iaitu Malaysia. Menyentuh konteks cabaran sebagai seorang wanita Muslim pula, rata-rata informan tidak mengalami sebarang masalah yang berkaitan dengan serangan Islamofobia apabila melanjutkan pelajaran di sana. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa proses adaptasi pelajar wanita Melayu di United Kingdom telah memberikan impak yang positif kepada diri mereka.

Namun begitu, pengkaji merasakan skop kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan melibatkan pelajar lelaki Melayu. Dengan melibatkan kaum lelaki mungkin perbandingan dari segi cabaran dan proses adaptasi itu dapat dikaji dengan lebih mendalam lagi. Perkara ini juga boleh membantu pengkaji masa akan datang untuk mengaitkan faktor gender dalam sesebuah proses adaptasi itu. Contoh persoalan kajian yang boleh dibangkitkan ialah seperti, perbezaan proses adaptasi kaum wanita Melayu dengan kaum lelaki Melayu yang telah melanjutkan pelajaran ke United Kingdom.

Rujukan

- Abdul Latiff Ahmad, Salma Ali, Ali Salman & Sabariah Mohamed Salleh. (2016). Adaptasi antarabudaya pelajar Nigeria di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 105-120.
- Chuenurah, C., & Jeffries, S. (2019). An Analysis of Thai Women's Roles and Involvement in Cross-Border International Drug Trafficking. *Social Science Asia*, 5(2), 45-55.
- Dorset, J. (2017). Exploring international student adaptation through a first-year experience course at Iowa State University. Dimuat turun daripada <https://lib.dr.iastate.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=6303&context=etd>
- Gullahorn, J. T., & Gullahorn, J. E. (1963). An Extension of the U- Curve Hypothesis. *Journal of social issues*, 19(3): 33-47.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Statistik Pendidikan Tinggi, 158-160.
- Novera, I. A. (2004). Indonesian postgraduate students studying in Australia: An examination of their academic, social and cultural experiences. *International Education Journal*, 5(4), 475-487.
- Sabariah Mohamed Salleh, Siti Khadijah Hussin. (2017). Tekanan Akulturasi Pelajar Malaysia di Luar Negara. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 340-355.
- Sivtceva, L. (2016). Challenges and obstacles in the Socio-cultural adjustment of international students, Masaryk University.
- Steele, C. M. (1998). Stereotyping and its threat are real.
- Tomin, V. V., Sakharova, N. S., Eremina, N. V., Kabanova, O. V., & Terekhova, G. V. (2016). Intercultural adaptation of students in the information field of cross cultural interaction. *Global Media Journal*.
- Wu, H. P., Garza, E., & Guzman, N. (2015). International student's challenge and adjustment to college. *Education Research International*, 1-9.
- Young Yun Kim. (2017). Cross-Cultural Adaptation. Communication and Culture. International/Global Communication. *Journal of Communication*, 2-23.
- Zhang, L.E. and Guttormsen, D.S., (2016). "Multiculturalism" as a key methodological challenge during in-depth interviewing in international business research. *Cross Cultural & Strategic Management*, 23(2), 232-256.